

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/02/12 - 5

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA TIADA KAITAN DENGAN 'DANA 7 AMANAH LHDN'

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin menarik perhatian orang ramai mengenai satu laporan media bertajuk 'Yayasan Amal Maaruf sasar kutipan lebih RM51j' yang telah disiarkan dalam media pada 11 Februari 2019.

Dalam laporan media tersebut dinyatakan bahawa Yayasan Amal Maaruf Malaysia mensasarkan kutipan dana menjangkau RM51.35 juta pada tahun ini, membabitkan pembayar cukai di seluruh negara menerusi program 'Dana 7 Amanah LHDN'.

Adalah dengan ini LHDNM menafikan bahawa LHDNM mempunyai kaitan dan kepentingan dengan program 'Dana 7 Amanah LHDN' yang diperkenalkan oleh Yayasan Amal Maaruf Malaysia.

LHDNM adalah agensi yang bertindak membuat penilaian dan memberikan kelulusan terhadap sebarang permohonan mana-mana institusi, organisasi atau tabung yang memohon pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6)

Akta Cukai Pendapatan 1967. Kelulusan pengecualian cukai di bawah subseksyen ini hanya akan diberikan kepada institusi, organisasi atau tabung yang memenuhi syarat-syarat seperti yang terkandung dalam Garis Panduan Teknikal bertajuk Garis Panduan Bagi Permohonan Untuk Kelulusan Di Bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Senarai institusi, organisasi atau tabung yang telah diberikan kelulusan boleh disemak melalui portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Lain-lain > S.S 44(6) DERMA.

Sehubungan itu LHDNM menggesa Yayasan Amal Maaruf Malaysia membuat penjelasan segera berkenaan hal ini bagi mengelakkan salah tanggapan dalam kalangan orang ramai.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH**SOARING TO GREATER
EXPECTATIONS**

M A L A Y S I A

Sila hubungi:**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my**Tarikh: 12 Februari 2019**

/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube